

SATU DAN DUA SAMUEL

Mesej Sepuluh

Daud, Mefiboset, dan Keihsanan Tuhan

Bacaan Bible: 2 Sam. 9:1-13; Roma 2:4; Ef. 2:7; 4:32; Tit. 3:4-5; Kol. 3:12

I. Dua Samuel 9:1-13 ialah catatan tentang Daud menunjukkan keihsanan kepada Mefiboset anak Yonatan:

- A. Daud merasakan bahawa dia mempunyai kewajipan untuk menunjukkan keihsanan kepada sesiapa daripada keturunan kerabat Saul yang masih tinggal kerana Yonatan lalu bertanya kepada seorang hamba daripada kerabat Saul dengan berkata, “Masih adakah sesiapa yang tinggal daripada kerabat Saul, supaya aku dapat menunjukkan keihsanan Tuhan kepadanya?”—ay. 3a.
- B. Hamba itu memberitahu Daud bahawa masih ada seorang anak lelaki Yonatan, iaitu Mefiboset yang kakinya cacat—ay. 3b.
- C. Daud memberitahu Mefiboset bahawa dia akan menunjukkan keihsanan kepada-nya kerana Yonatan bapanya serta berjanji kepada Mefiboset bahawa dia akan memulihkan baginya semua tanah datuknya dan dia akan makan di meja raja secara berterusan—ay. 7, 13.
- D. Raja Daud memelihara nyawanya, memulihkan baginya semua warisannya, malah menjemputnya makan bersama dengannya di meja yang sama—ay. 7, 9.
- E. Daud memberi Mefiboset segala-gala yang dimiliki Saul dan seluruh rumah-nya; Mefiboset makan di meja raja secara berterusan, dan “kedua-dua kakinya tempang”—ay. 9, 13.

II. Mefiboset tidak mempunyai kedudukan untuk menerima kurnia, namun dia tetap menerima kurnia; begitu juga dengan kita dan Tuhan:

- A. Mefiboset langsung tidak ada kedudukan di hadapan Daud—ay. 1-6:
 1. Dia menerima keihsanan bukan kerana dirinya tetapi kerana orang lain—ay. 7.
 2. Hal ini benar juga bagi pendosa di hadapan Tuhan—Roma 2:4.
- B. *Lo-Debar*, iaitu tempat Mefiboset tinggal, ialah perkataan Ibrani yang bermakna “tempat yang tidak ada rumput, tidak ada padang rumput ternak”; dunia hari ini ialah “Lo-Debar”—2 Sam. 9:4:
 1. Mefiboset, yang melarikan diri daripada Daud, hidup di tempat yang tidak ada rumput, iaitu tidak ada apa-apa bekalan hayat—ay. 4.
 2. Pendosa yang jauh daripada Tuhan juga hidup di tempat yang tidak ada rumput.
- C. Bukan Mefiboset yang mencari Daud, tetapi Daud yang mengutus orang untuk membawa Mefiboset—ay. 4-5.
- D. Ketika Daud berkata, “Mefiboset,” terdapat perasaan belas kasihan dalam hatinya, dan terdapat nada yang menyenangkan dalam suaranya—ay. 6-7:
 1. Di sebalik kata-kata ini ada hati yang menyatakan hati Tuhan—1 Sam. 16:7.
 2. Hati Daud penuh keihsanan dan belas kasihan—20:14-15.

III. Dari segi rohani, kita semua adalah seperti Mefiboset, cucu kepada Raja Saul (2 Sam. 4:4), yang cacat kakinya:

- A. Meskipun Mefiboset sering makan bersama dengan raja, kedua-dua kakinya tetap tempang—9:7.
- B. Setelah Mefiboset menerima kurnia daripada Daud, dia hanya memandang kekayaan di atas meja Daud; dia tidak memandang kakinya yang cacat di bawah meja.

GARIS KASAR KAJIAN-KRISTALISASI

Mesej Sepuluh (sambungan)

- C. Seperti Mefiboset, kita boleh makan di meja Raja meskipun kita tetap cacat—ay. 13:
1. Kedua-dua kaki kita tempang, namun kaki kita berada *di bawah meja*.
 2. Setelah kita diselamatkan, kita harus melupakan “kaki kita yang cacat” dan duduk di depan meja Raja kita, Yesus Kristus, untuk menikmati-Nya—ay. 7; Roma 14:17; Neh. 8:10:
 - a. Setiap kali kita memandang diri kita, kita akan mendapati bahawa kita tempang, lalu kita jadi tawar hati—bd. Kid. 2:8—3:5.
 - b. Kita harus hanya memandang kekayaan di atas meja Tuan dan menikmatinya—Ef. 3:8.
 3. Segala yang disediakan Tuhan untuk kita adalah menakjubkan, kaya, dan manis; kita hanya perlu makan—Yoh. 6:50-51, 53-57; Mat. 8:11; 22:2; Wahi 19:9.
- D. Kita perlu berpaling daripada kaji diri dan memalingkan tumpuan kepada Tuan—Ibr. 12:2; 2:9.
- E. Apabila kita hanya menatap kekayaan dan kurnia yang disediakan Tuhan di hadapan kita, kita akan berasa damai sejahtera, dan hati kita akan dipuaskan—Mat. 5:6; 14:20.

IV. Keihsanan Daud terhadap Mefiboset menandakan keihsanan Tuhan—2 Sam. 9:3; Roma 2:4; Ef. 2:7; Tit. 3:4-5:

- A. Keihsanan ialah kemurahan, kebaikan hati yang terhasil daripada rahmat dan kasih Tuhan—Ef. 2:4, 7.
- B. Keihsanan dan kasih Tuhan Penyelamat kita inilah yang menyelamatkan kita dan menjadikan kita berbeza daripada orang lain—Tit. 3:4:
 1. Kurnia Tuhan membawa penyelamatan kepada manusia; kita telah diselamatkan melalui kurnia Tuan—2:11; 3:7.
 2. Titus 3:5 mengatakan bahawa menurut rahmat-Nya Tuhan telah menyelamatkan kita:
 - a. Rahmat Tuhan mencapai lebih jauh daripada kurnia-Nya—Roma 9:15-16, 18, 23; Ibr. 4:16.
 - b. Keadaan kita yang kasihan mewujudkan satu jurang yang lebar antara kita dengan kurnia Tuhan.
 - c. Rahmat Tuhan menjadi jambatan yang merentangi jurang ini dan membawa kita kepada penyelamatan kurnia-Nya—Roma 2:4; 9:23.
 3. Dalam Titus 3:4 dan 5, Paulus bukan berbicara tentang kurnia tetapi tentang keihsanan, kasih, dan rahmat:
 - a. Kasih ialah sumber kurnia; dalam 1 Yohanes kita menyentuh kasih Tuhan Bapa sebagai sumber kurnia—3:1; 4:9-10.
 - b. Dalam hati Tuhan Bapa terdapat kasih; apabila kasih ini diekspresikan menerusi Anak, kasih menjadi kurnia—Yoh. 1:14, 16-17.
 - c. Keihsanan ialah sikap Tuhan semasa memberi kita kurnia—Ef. 2:7.
 - d. Apabila kita mempunyai rahmat, kasih, dan keihsanan, secara automatik kita mempunyai kurnia—Tit. 3:4-5, 7.
 - e. Tuhan dan Bapa kita telah menunjukkan kasih, rahmat, dan keihsanan kepada kita; melalui inilah Dia menyelamatkan kita—ay. 4-5.
- C. Pada zaman akan datang—zaman milenium dan keabadian akan datang—Tuhan akan memaparkan “kekayaan kurnia-Nya yang melangkau dalam keihsanan terhadap kita, dalam Kristus Yesus”—Ef. 2:7:

SATU DAN DUA SAMUEL

Mesej Sepuluh (sambungan)

1. Dalam keihsanan Tuhanlah kurnia Tuhan diberi kepada kita—ay. 8.
2. Kekayaan kurnia Tuhan dalam keihsanan-Nya melangkaui setiap batasan—ay. 7:
 - a. Inilah kekayaan Tuhan sendiri sebagai kenikmatan kita—3:8.
 - b. Kekayaan kurnia Tuhan dalam keihsanan akan dipaparkan secara terbuka hingga keabadian—2:7.
- D. Satu daripada butir buah Roh itu ialah keihsanan—Gal. 5:22:
 1. Setelah memakai manusia baru (Kol. 3:10), sebagai umat pilihan Tuhan, yang kudus dan dikasih, kita perlu memakai bahagian dalaman belas kasihan dan keihsanan (ay. 12).
 2. Dutus Paulus ialah minister Tuhan dalam keihsanan, dan dia mengarahkan kita agar terus berada dalam keihsanan Tuhan—2 Kor. 6:4, 6; Roma 11:22.
 3. Kasih itu murah hati (1 Kor. 13:4), dan kita perlulah bermurah hati terhadap satu sama lain, berhati lembut, ampun-mengampuni, sebagaimana Tuhan dalam Kristus juga telah mengampuni kita (Ef. 4:32).